

Malaysia bantu bina semula Bos

Oleh P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 26 Okt.— Malaysia akan menghantar delegasi perdagangan ke Bosnia-Herzegovina dan Croatia dalam usaha membantu membangunkan semula kedua-dua negara berkenaan di samping mengeratkan hubungan perdagangan tiga hala.

Komitmen ini diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam pertemuan beliau dengan rakan sejawatannya dari Bosnia-Herzegovina, Dr. Haris Silajdzic dan Croatia, Nikica Valentic yang diadakan serentak di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang ini.

Delegasi itu akan dihantar ke kedua-dua negara Balkan itu apabila keadaan mengizinkan termasuk mengenal pasti peluang-peluang pelaburan di sana.

Dr. Mahathir berpendapat melalui cara sedemikian Malaysia akan dapat membantu pembangunan semula kedua-dua negara berkenaan di samping mengeratkan hubungan perdagangan tiga

hala.

Langkah tersebut diambil kerana Malaysia berpendapat sudah sampai masanya perhatian harus diberi kepada bidang kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan kedua-dua negara tersebut setelah sekian lama tumpuan diberi kepada isu-isu politik.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam taklimat kepada para pemberita selepas pertemuan itu berkata, delegasi perdagangan tersebut akan diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Abdullah berkata, Dr. Mahathir turut bersetuju untuk menghantar dua orang pakar untuk menjadi anggota Agensi Pembangunan Semula Bosnia dengan secepat mungkin.

Permintaan untuk mendapatkan khidmat pakar dari Malaysia itu dibuat oleh Perdana Menteri Bosnia, Dr. Silajdzic.

“Salah seorang daripada pakar itu akan menjadi anggota agensi

■ Lihat muka 2

Malaysia bantu bina semula Bosnia

itu manakala satu lagi akan menjadi Pengarah Perancangan Strategi,” kata Abdullah.

Menurutnya, perjumpaan ketiga-tiga Perdana Menteri itu merupakan yang pertama untuk membincangkan kerjasama ekonomi dan pelaburan di kedua-dua negara tersebut.

Dalam usaha Malaysia untuk merangsang dan merintis perdagangan dengan negara-negara Balkan itu, dua perjanjian perdagangan turut ditandatangani pada pertemuan tersebut.

Kata Abdullah, perjanjian itu akan memberi keyakinan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai peluang pelaburan di Bosnia dan Croatia.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Rafidah bagi pihak Malaysia manakala

Bosnia diwakili oleh Menteri Perdagangannya, Dr. Nikola Grabovac sementara Croatia diwakili Menteri Ekonominya, Nadan Vidosevic.

Ia turut disaksikan oleh Perdana Menteri ketiga-tiga negara dan perjanjian itu menjadikan Malaysia antara negara utama dunia yang mengambil inisiatif mendekati diri secara langsung dengan negara yang menjadi mangsa keganasan Serb.

Menurutnya, kedua-dua negara itu mempunyai kepakaran dalam industri berat seperti pembuatan kapal dan peluang itu seharusnya digunakan dengan sebaiknya oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Dalam pada itu, katanya, Malaysia bersetuju untuk menawarkan kemudahan latihan kepada

pegawai-pegawai dari kedua-dua negara dalam bidang diplomatik di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) dan dalam bidang ekonomi serta pengurusan di institut-institut tempatan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

“Ini antara cara Malaysia boleh membantu kedua-dua negara berkenaan untuk pembangunan semula selepas perang,” tambahnya.

Mengenai proses perdamaian di Bosnia dan Croatia, Abdullah berkata, ketiga-tiga Perdana Menteri membincangkan perkara itu di dalam pertemuan mereka.

Mengenai sumbangan kepada Bosnia menjelang musim sejuk tidak lama lagi, katanya, Malaysia akan berusaha untuk menghantar minyak masak, tepung dan gula kepada

mangsa-mangsa peperangan di negara itu.

Dalam pertemuan tersebut juga, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Dr. Mahathir dijemput untuk melawat kedua-dua negara Balkan itu.

Abdullah berkata, Dr. Mahathir menyifatkan lawatan kedua-dua pemimpin itu serba istimewa dalam menjalin hubungan ekonomi yang lebih bermakna.

Dr. Silajdzic mengetuai rombongan sebanyak 11 orang termasuk Naib Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dr. Jadranko Prlic dan Menteri Tenaga dan Industri, Faruk Smailbegovic.

Rombongan Valentic pula diiringi oleh 13 orang termasuk penasihatnya, Nenad Porges, Menteri Ekonomi, Nadan Vidosevic.